

OPERASI BERSEPADU KENDERAAN BERENJIN DIESEL DENGAN KERJASAMA IPD TRAFIK MELAKA TENGAH

20 Januari 2023, MELAKA - Unit Kenderaan Bermotor Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka telah menjalankan operasi ke atas kenderaan berenjin diesel di Lebuhraya SPA (Krubong), Melaka dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) IPD TRAFIK MELAKA TENGAH pada 19 Januari 2023 yang lalu.

Operasi kali ini memfokuskan penguatkuasaan di bawah Peraturan- Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996. Berikut adalah tindakan penguatkuasaan semasa operasi bersepadu ini dijalankan :-

Ujian visual - 58 buah

Ujian meter - 10 buah

Notis Arahan - 9 Arahan

Kompaun - 7 Kesalahan

Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka komited dalam memastikan pematuhan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 supaya kelestarian alam sekitar dan kesejahteraan rakyat terpelihara.

#KementerianSumberAsliAlamSekitardanPerubahanIklim

#JabatanAlamSekitar

#AlamSekitarTanggungjawabBersama